



LAMAN UTAMA SIAPA KAMI F.A.Q KATEGORI PENGIKLANAN

SAINS SHOP CAREERS



Pulau Herba: Laboratorium Alam Terbuka untuk Pendidikan dan Pelancongan

Pulau Herba: Laboratorium Alam Terbuka untuk Pendidikan dan Pelancongan

by **Editor**— 27/12/2023 in **Alam Semulajadi, Berita & Peristiwa**

0



0



0

Oleh: Norhazlini Mat Zain¹, Aweng Eh Rak², Nor Hizami Hassin³, Zulhazman Hamzah⁴, Muhamad Azahar Abas⁵ & Muhammad Firdaus Abdul Karim⁶

¹Cik Norhazlini Mat Zain, Pelajar Pasca Siswazah Fakulti Sains Bumi

²Dr. Aweng A/L Eh Rak, Profesor Fakulti Sains Bumi

³Encik Nor Hizami Hassin, Pensyarah Fakulti Sains Bumi

⁴Dr. Zulhazman Hamzah, Profesor Madya Fakulti Sains Bumi

⁵Dr. Muhamad Azahar Abas, Pensyarah Kanan Fakulti Sains Bumi

⁶Dr. Muhammad Firdaus Abdul Karim, Pengarah UMK TRaCE, Tasik Banding, Grik, Perak

Fakulti Sains Bumi, Universiti Malaysia Kelantan

Pulau Herba merupakan salah satu daripada gugusan pulau yang terdapat di Tasik Banding, Gerik, Perak. Dengan menaiki bot rumah atau dikenali sebagai *houseboat*, perjalanan untuk tiba ke pulau ini mengambil masa kira-kira 45 minit. Dengan keluasan kira-kira 1.2 ekar, pulau ini bukan sahaja menawarkan persekitaran semula jadi yang indah, tetapi juga berperanan sebagai destinasi unik untuk pendidikan dan penglibatan pelancong dalam memperkenalkan tumbuhan herba yang diamalkan dalam perubatan tradisional masyarakat di Malaysia.

Pada awalnya, pulau ini hanyalah sebuah pulau yang terbiar, namun di atas inisiatif penduduk setempat di bawah kelolaan Persatuan Pengusaha Pelancongan Tasik Temenggor (PPPTT), Pulau Herba ini diwujudkan. Menurut En. Taufik bin Hassan Saari, yang juga merupakan setiausaha kepada persatuan PPPTT ini, Pulau Herba bakal dijadikan sebagai salah satu pakej persinggahan (*checkpoint*) bagi pelancong yang datang ke Royal Belum dengan menaiki *houseboat*. Pulau ini berpotensi menawarkan aktiviti menarik seperti pengenalan kepada tumbuhan herba, mempelajari resepi serta cara penyediaan herba dan juga menikmati herba yang disediakan. Jualan produk berasaskan herba yang terdapat di sini juga bakal diadakan bagi menambah

pendapatan untuk menampung penyelenggaraan dan meningkatkan infrastruktur yang diperlukan di pulau ini. Selain daripada itu, En. Taufik juga berharap, penglibatan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dapat membuka peluang yang lebih luas dan berterusan dalam kajian sumber alam semula jadi dan pendidikan di Pulau Herba. Dengan kerjasama yang erat antara PPPTT dan UMK, dijangka berupaya untuk menggerakkan inisiatif-inisiatif baru seperti program penyelidikan terkini yang berkaitan dengan kepelbagaian biologi, peningkatan teknologi dalam pemantauan, serta pengembangan kurikulum pendidikan yang lebih dinamik tentang flora dan fauna Pulau Herba. Justeru, hubungan kerjasama ini sangat penting kerana ia akan memberi manfaat yang berterusan kepada masyarakat setempat, pelancong, dan komuniti sains di seluruh dunia yang tertarik dengan keindahan dan kepelbagaian biologi Pulau Herba. Oleh yang demikian, pendekatan sebegini memainkan peranan utama dalam menjaga sumber alam secara lestari dan secara tidak langsung dapat membantu menangani isu perubahan iklim.

Baru-baru ini, Pulau Herba telah menerima kunjungan seramai 30 orang peserta dari program UNESCO “World Heritage Volunteer, (WHV 2023) yang berlangsung selama 12 hari anjuran Pusat Penyelidikan Hutan Hujan Tropika, Fakulti Sains Bumi, Universiti Malaysia Kelantan (UMK TRaCE) dengan kerjasama Fakulti Hospitaliti, Pelancongan & Kesejahteraan serta rakan agensi setempat dan NGO swasta. Program WHV 2023 adalah kali kedua dipilih oleh UNESCO untuk diadakan selepas kejayaan penganjuran pada tahun 2022. Pada kali ini WHV (2023) bertemakan “*Together in TRACE-ing Royal Belum State Park Tropical Rainforest as Climate Stabilizer*” dengan bertujuan untuk memupuk kesedaran dan menyemai rasa tanggungjawab di kalangan belia, komuniti tempatan, pelancong (tempatan dan luar negara) dan juga pihak berkepentingan demi untuk memelihara, memuliharaan dan mempromosi perlindungan hutan hujan tropikal Taman Negeri Royal Belum yang berperanan sebagai penstabil iklim tempatan dan global.

Program WHV (2023), UNESCO ini telah menetapkan 5 modul utama yang akan dilaksanakan oleh peserta iaitu (*TRaCe Awareness, TRaCe Biodiversity, TRaCe Community, TRaCe Partnership* dan *TRaCe Solution*). Program penanaman pokok herba di Pulau Herba ini adalah salah satu aktiviti daripada modul *TRaCe Biodiversity* kepada peserta. Sehubungan itu, program WHV (2023) ini akan berperanan dalam mempromosikan Pulau Herba sebagai salah satu tempat rujukan dan koleksi gen hidup tumbuhan herba di hutan hujan tropika kepada pengetahuan global. Program WHV (2023) ini juga akan meningkatkan kefahaman tentang ekosistem semula jadi pulau dan menggalakkan sokongan untuk aktiviti-aktiviti konservasi alam sekitar.

Dalam penganjuran kali ini, peserta adalah terdiri daripada beberapa buah negara seperti Mozambique, Brunei, India, Sri Lanka, China, Indonesia, dan warga Malaysia sendiri. Menurut salah seorang dari peserta, Laisa Victor Guivalar dari Mozambique, Afrika, program ini telah memberi kesedaran kepada mereka tentang khazanah alam semula jadi yang tidak ternilai di pulau ini, terutama pokok-pokok yang memiliki nilai perubatan yang tinggi. Semasa kunjungan, Prof. Dr. Aweng Eh Rak yang mempunyai kepakaran dalam bidang tumbuhan herba, telah memberi penerangan yang mendalam mengenai pokok-pokok herba yang terdapat di pulau ini. Semasa program berlangsung, peserta ditugaskan untuk membuat penandaan (*tagging*) pokok-pokok herba yang telah ditanam bagi mengelakkan pokok-pokok tersebut diusik atau ditebang semasa kerja pembersihan pulau. Terdapat beberapa jenis tumbuhan yang mempunyai nilai perubatan yang telah sedia ada di pulau tersebut antaranya: Tongkat Ali (*Eurycoma longifolia*), Pinang Puyuh (*Curculigo latifolia*), Gajah Beranak (*Goniotalamus scortechinii*), Akar Mengkunyit (*Coscinium blumeinum*), Putat (*Barringtonia racemosa*), dan Gandarusa (*Justicia gendarussa*). Manakala, antara pokok herba yang ditanam oleh peserta-peserta WHV di Pulau ini adalah pokok Bunga Telang (*Clitoria ternatea*), Kunyit Hitam (*Curcuma caesia*), Halia Bara (*Alpinia purpurata*), Halia Hitam (*Kaempferia parviflora*), Belalai Gajah (*Clinacanthus nutans*), dan Ulam Raja (*Cosmos caudatus*).

Dalam usaha untuk menjaga kelestarian pulau ini, En. Mohd Khairul Hamzah, yang berpengalaman selama 10 tahun sebagai eksekutif landskap dan juga merupakan seorang '*certified arborist*' telah bertungkus lumus dalam memberikan sumbangan idea dan tenaga untuk pemeliharaan pulau ini. Usaha pemeliharaan dan pemuliharaan yang berterusan penting untuk memastikan Pulau Herba terus berfungsi sebagai laboratorium alam terbuka yang menjadi rujukan di peringkat antarabangsa di masa depan. Program sebegini dengan kerjasama daripada pelbagai pihak sama ada tempatan dan antarabangsa akan menjadi kunci kejayaan kepada pemuliharaan alam semula jadi yang cekap dan berkesan. Dengan kata yang lain, pakatan idea, tenaga, pemudah cara, pengalaman dan kepakaran dalam usaha menjaga kelestarian pulau ini akan membantu mengekalkan keindahan alam dan ekosistem yang berharga ini untuk diwarisi oleh generasi akan datang.



Gambar 1: Peserta WHV 2023 bergambar sebagai kenangan di atas salah satu houseboat yang membawa mereka berlayar ke Pulau Herba



Gambar 2: Prof. Dr. Aweng berkongsi kaedah yang betul untuk menanam pokok-pokok herba



Gambar 3: Peserta diajar kaedah untuk membuat plot tumbuhan herba di lapangan



Gambar 4: En. Khairul Hamzah (arborist) memberi penerangan berkaitan cara-cara untuk 'tagging' pokok-pokok herba



Gambar 5: Peserta-peserta WHV 2023 ternyata cukup bersemangat dapat menyumbang tenaga kepada pembangunan Pulau Herba ini.



WORLD HERITAGE VOLUNTEERS >

WORKING ON THE FUTURE

WHV - TOGETHER IN TRaCe-ING ROYAL BELUM STATE PARK TROPICAL RAINFOREST AS CLIMATE STABILISER



© UNESCO

11-21 SEPTEMBER 2023

UMK TRACE PULAU BANDING, GERIK, PERAK



Royal Belum STATE PARK

IT IS SAID TO BE MORE THAN 130 MILLION YEARS OLD ONE OF THE WORLD'S OLDEST TROPICAL RAINFOREST

MAIN SPONSOR

MALYSIAN NATIONAL COMMISSION FOR UNESCO DONATION GRANT
GERAN SUMBANGAN SURUHANJAYA KEBANGSAAN UNESCO MALAYSIA (SKUM)

SPONSORS



STRATEGIC PARTNERS

ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST



**5 ACTION CAMPS
LEARNING
MODULES**

	<p>Seminars/Talk by experts</p>  <p>TRaCe Awareness</p>	<p>Plant ID, Camera-Trapping & Tree Planting</p>  <p>TRaCe Biodiversity</p>
 <p>TRaCe Community</p> <p>Orang Asli, Cultural Exchange & LOMA Festival</p>	 <p>TRaCe Partnership</p> <p>Workshop & Stakeholder Engagements</p>	 <p>TRaCe Solution</p> <p>Best Practices Guideline (Workshop)</p>

Date: 11-21 September 2023

Berikan Komen Anda Di Sini

 Share

 Tweet

 Share



Previous Post

**Teknik dan Resepi Pemekatan
Cecair Untuk Pesakit Disfagia**



Editor